

## **FILEM DAN GAYA KEPIMPINAN KELUARGA MELAYU : ANALISIS DARI PERSPEKTIF ISLAM <sup>1</sup>**

Salasiah Hanin Hamjah (Prof. Madya Dr.)

Izzah Nur Aida Zur Raffar

Rosmawati Mohamad Rasit (Dr.)

### **Abstrak**

Filem berperanan dalam memberikan gambaran mengenai gaya hidup sesebuah keluarga dalam masyarakat. Filem-filem Melayu yang banyak diusahakan dalam industri perfileman menggambarkan kehidupan berkeluarga termasuklah memiliki ciri-ciri akhlak yang baik seperti tolong menolong, bekerjasama, saling menghormati dan sebagainya. Tidak kurang juga dipaparkan dalam filem menggambarkan nilai-nilai negatif dalam keluarga masyarakat Melayu seperti suka mengumpat, perasaan dengki, memfitnah, membunuh, mencela dan seumpamanya. Justeru itu kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengenalpasti elemen gaya kepimpinan keluarga Melayu yang dipaparkan dalam filem khususnya Filem bertajuk “Anakku Sazali”. Kajian ini juga bertujuan menganalisis gaya kepimpinan tersebut dari perspektif Islam dan kaedah mengatasinya. Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis kandungan. Hasil kajian mendapati gaya kepimpinan keluarga Melayu yang kurang baik wujud dalam filem ini terutamanya dalam aspek pendidikan anak-anak yang lebih menjurus kepada gaya kepimpinan *laissez faire*. Al-Quran dan al-Sunnah didapati berperanan sebagai sumber rujukan bagi mencorak gaya kepimpinan keluarga yang Islamik.

Keywords : gaya kepimpinan, keluarga, filem, Melayu, *laissez faire*

### **Pengenalan**

Filem merupakan antara jenis media komunikasi yang dapat berfungsi sebagai media dakwah bagi menyampaikan serta mengajak kepada kebenaran. Mesej-mesej yang terkandung dalam pelbagai adegan filem akan membekas dalam jiwa penonton, sehingga pada akhirnya mesej tersebut membentuk watak penonton. Hal ini dibincangkan oleh Fuziah Kartini (2007) yang menyatakan bahawa filem mampu mencetus dan membangkitkan perasaan, terutama apabila dikaitkan dengan realiti kehidupan walaupun dalam corak yang dramatik. McQuail (1994) pula berhujah

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Serantau Dakwah dan Etnik di Universiti Malaysia Sabah pada 20 November 2014.

memanfaatkan filem dalam usaha untuk mendidik masyarakat adalah didasari oleh fungsi filem sebagai menarik perhatian orang dan menyampaikan mesej secara unik. Manakala Rosmawati et al. (2011) berpendapat peranan filem untuk tujuan menyampaikan mesej dakwah menjadi pendekatan baharu yang perlu dimanfaatkan. Justeru, filem selain menjadi alat hiburan (Zulkiple 2003), sebenarnya merupakan media pendidikan yang dapat merangsang pembelajaran khususnya untuk golongan remaja. Sekiranya filem yang dipertontonkan mempunyai unsur-unsur pengajaran sudah tentu remaja boleh mencontohi perlakuan yang baik yang ditiru dari filem, contohnya sifat patriotik dan keberanian seperti yang ditonjolkan dalam filem Bukit Kepong (Zaheril 2006; Rosnaini 2003).

Menyedari peranan filem yang kuat pengaruhnya kepada penonton, tidak dinafikan juga filem memberi pengaruh yang besar dalam mencorak gaya kepimpinan dan kehidupan berkeluarga dalam kalangan masyarakat Melayu. Gaya kepimpinan keluarga adalah perkara yang penting dalam mendidik anak dan mengatur kehidupan berkeluarga. Terdapat pelbagai gaya kepimpinan keluarga yang sekaligus boleh mencorak gaya hidup sesebuah keluarga. Istilah gaya hidup pada asalnya dicipta oleh ahli psikologi Austria, Alfred Adler, pada tahun 1929. Pengertiannya yang lebih luas, sebagaimana difahami pada hari ini, mula digunakan sejak 1961. Dalam bidang sosiologi, gaya hidup ialah cara bagaimana seseorang itu hidup. Ia juga merupakan kumpulan ciri tingkah laku yang bererti kepada orang lain dan diri sendiri dalam sesuatu masa dan tempat, termasuk hubungan sosial, penggunaan, hiburan, dan pakaian. Tingkah laku dan amalan dalam gaya hidup merupakan campuran tabiat, cara lazim membuat sesuatu, serta tindakan berdasarkan logik. Gaya hidup biasanya membayangkan sikap, nilai, dan pandangan dunia seseorang. Justeru, gaya hidup ialah cara untuk memupuk konsep sendiri serta mencipta simbol kebudayaan yang menggambarkan identiti peribadi (<http://ms.wikipedia.org>).

Bagi menghuraikan gaya kepimpinan keluarga dalam kalangan masyarakat Melayu, sebuah filem bertajuk "*Anakku Sazali*" telah dipilih bagi menjelaskan objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti elemen gaya kepimpinan keluarga Melayu. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis gaya kepimpinan tersebut dari perspektif Islam dan mencadangkan kaedah mengatasinya menurut ajaran Islam agar golongan

bapa yang menerajui kepimpinan keluarga dapat membimbing keluarga masing-masing ke arah kesejahteraan keluarga.

### **Gaya Kepimpinan Keluarga**

Keluarga adalah komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Kewujudan negara tidak akan sempurna tanpa institusi keluarga kerana Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina (Ratna Roshida & Nik Haslinda 2007). Sehubungan itu, ibu dan bapa adalah individu penting dalam sebuah institusi kekeluargaan. Kedua-dua individu tersebut bertanggungjawab memainkan peranan secara bersama dalam membentuk anak-anak dan membina keluarga sejahtera. Menurut Nor Mazana (2001), gaya kepimpinan ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan kebahagiaan keluarga. Gaya kepimpinan ibu bapa juga menentukan cara mereka membesarkan anak dalam suasana bahagia, gembira, sihat, mempunyai emosi yang stabil dan keupayaan bergaul serta berhubungan dengan orang lain. Selain itu, ikatan dan kawalan keibu bapaan dapat membentuk personaliti yang baik dalam kalangan anak-anak serta konsep sendiri yang jitu (Zakiah & Ismail 2010).

Sehubungan itu, untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ibu dan bapa, kaedah yang sering digunakan dilihat menerusi gaya kepimpinannya. Gaya kepimpinan ibu bapa di sini adalah merujuk kepada amalan didikan ibu bapa tersebut termasuklah cara memelihara, memberi asuhan, mempraktikkan kawalan, cara berkomunikasi, dan berinteraksi dan sebagainya dengan anak-anak mereka. Ibu bapa memilih dan mengenakan gaya kepimpinan tertentu terhadap anak mereka dengan tujuan dapat mempengaruhi anak-anaknya sama ada dari segi kecekapan sosial, perkembangan kognitif, pembinaan personaliti, proses pembelajaran, dan pencapaian akademik (Ishak 2004).

Dalam aspek ini, terdapat tiga gaya kepimpinan ibu bapa dalam sesebuah keluarga sebagaimana dinyatakan oleh model keibubapaan Baumrind D. (1966) iaitu '*authoritatif*' (demokratik), '*authoritarian*' (kawalan) dan '*laissez faire*' (permisif). Menurut Eggen & Kauchak (1994), ciri-ciri gaya *authoritatif* ialah tegas tetapi penyayang dan konsisten. Ibu bapa dalam kategori ini juga suka menerangkan sebab-sebab setiap peraturan diadakan. Mereka juga mempunyai jangkaan yang tinggi

terhadap anak-anak tetapi sentiasa memberi bantuan dan sokongan. Oleh itu, jelaslah bahawa cara demokratik bermaksud ketegasan dalam kawalan dan didikan tetapi dengan cara bermusyawarah dan berunding baik dengan anak-anak. Gaya *authoritatif* dapat memberi kesan yang positif dalam pembangunan diri anak-anak. Menurut Baumrind (1966), kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang demokratik cenderung menjadi lebih bertenaga, berusaha, mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi, berdedikasi dan dapat mengawal diri.

Manakala, gaya kedua dalam kepimpinan ibu bapa adalah gaya *authoritarian*. Ciri-ciri gaya *authoritarian* pula ialah mengarah dan mementingkan kepatuhan. Ibu bapa dalam kategori ini bersikap kurang mesra dan tidak menggalakkan perbincangan untuk mencapai persetujuan bersama (Eggen & Kauchak 1994). Ibu bapa yang mengamalkan gaya kepimpinan *authoritarian* mempunyai sifat kawalan yang tinggi, tetapi kurang dalam tanggungjawab. Anak-anak yang dibentuk akan mempunyai ciri-ciri seperti berfikiran negatif, sering memberontak, pendendam, bimbang, cemas, khuatir, pendiam, pemalu, konsep sendiri rendah dan kurang motivasi untuk berdikari. Mereka akan bertindak bermusuhan sekiranya dikecewakan (Azizi & Mohd Sofie 2010).

Selain itu, ibu bapa *authoritarian* menggunakan arahan tentang apa yang mesti dilakukan oleh anak dan tidak berasa bertanggungjawab untuk menjelaskan kenapa arahan itu diberi. Mereka bersifat sangat menuntut dan tidak responsif malah lebih suka jika anak taat dan patuh. Jika anak ingkar, ia akan dihukum. Perbincangan secara terbuka atau interaksi dua-hala di antara ibu bapa dan anak tidak digalakkan kerana ibu bapa berpendapat anak tidak boleh mempersoalkan apa-apa, hanya menerima dan menurut sahaja apa kata ibu bapa (Balan & Rohimah 2008). Oleh yang demikian, meskipun ibu bapa menginginkan yang terbaik buat anak-anak mereka dengan bersikap menyuruh dan mengatur secara ketat kehidupan anak-anak, namun akibatnya ia dapat membawa kepada kesan negatif terhadap pembentukan minda dan diri anak-anak tanpa disedari pada masa akan datang. Hal ini disebabkan tiada komunikasi dua hala dan persefahaman antara ibu bapa dan anak-anak berlaku.

Gaya kepimpinan ibu bapa yang ketiga adalah '*laissez faire*' atau permisif. Ibu bapa yang mengikut gaya '*laissez faire*' atau permisif ini memberi anak-anak mereka

kebebasan sepenuhnya. Mereka juga jarang mempunyai sebarang jangkauan atau tuntutan ke atas anak-anak (Eggen & Kauchak 1994). Hal ini turut dinyatakan oleh Ganesen & Noraini (2014), gaya kepimpinan '*laissez faire*' atau permisif memperlihatkan ibu bapa yang memberi perhatian yang minimum, kawalan dan peraturan yang tidak ketat serta kurang prihatin terhadap anak-anak. Kumpulan ibu bapa ini kurang memberi perhatian terhadap segala tingkah laku anak-anak. Sebagai akibat, remaja bertingkah laku devian dan delikuan disebabkan kurang kawalan diri dan banyak dipengaruhi oleh kawalan luar dari persekitaran mereka. Ia juga dapat melahirkan individu yang menyukai kebebasan tanpa kongkongan, kurang matang, kurang berdikari dan kurang rasa tanggungjawab Slaby dan Guerra (1988).

Jika dibuat perbandingan di antara ketiga-tiga gaya kepimpinan ibu bapa tersebut mendapati gaya *authoritarian* dan *laissez faire*' cenderung membesarkan anak-anak yang mempunyai masalah seperti terlibat dengan penipuan, gangsterisme, rompak dan sebagainya. Manakala gaya berwibawa iaitu jenis autoritatif lebih cenderung membesarkan anak-anak yang tinggi harga diri dan tidak mudah terjebak dalam masalah sosial.

Sebagai kesimpulan, meskipun tiga gaya kepimpinan menggambarkan gaya kepimpinan ibu dan bapa dalam keluarga tetapi ia boleh digunakan bagi menggambarkan gaya kepimpinan bapa dalam keluarga. Ini kerana dalam keluarga Muslim, bapa adalah peneraju rumah tangga dan pemimpin kepada seluruh isi rumah. Gaya kepimpinan bapa sangat penting bagi menentukan arah dan corak kehidupan sebuah keluarga. Terdapat bukti yang menunjukkan gaya kepimpinan bapa dapat memberi kesan yang berbeza terhadap perkembangan anak-anak seperti yang dinyatakan oleh Bronte, Moore & Carrano (2006) iaitu gaya kepimpinan bapa dikaitkan dengan kesan positif terhadap pencapaian akademik anak-anak dan dapat dikaitkan dengan beberapa ciri negatif remaja seperti penyalahgunaan dadah dan tingkah laku nakal. Nyata, bapa mempunyai peranan besar dalam membimbing keluarga ke arah kesejahteraan melalui gaya kepimpinan mereka dalam keluarga.

### **Sinopsis filem Anakku Sazali**

Filem *Anakku Sazali* adalah sebuah filem yang diterbitkan pada tahun 1956. Ia

merupakan filem drama P. Ramlee yang mengisahkan hubungan cinta yang tragis antara Hassan, seorang anak yatim piatu, dengan Mahani, anak perempuan tunggal majikan Hassan. Filem ini menyaksikannya P. Ramlee memainkan dua watak yang berbeza, iaitu sebagai bapa dan anak. Filem ini merupakan filem yang begitu jelas menggambarkan gaya kepimpinan seorang bapa dalam keluarga. Kehebatan filem ini terbukti pada tahun 1956 apabila pembaca majalah *Bintang* memilih filem ini sebagai filem kedua terbaik.

Filem *Anakku Sazali* mengisahkan seorang anak muda bernama Hassan, merupakan seorang anak yatim piatu yang bekerja dengan seorang kaya yang mempunyai dua orang anak, iaitu seorang anak perempuan bernama Mahani dan seorang anak lelaki. Hassan akhirnya jatuh cinta dengan Mahani, anak majikannya sendiri. Mahani juga jatuh cinta dengan Hassan, pemandu peribadi keluarganya. Apabila dewasa, bapa Mahani hendak mengahwinkan Mahani dengan pilihannya. Justeru, Hassan dan Mahani lari ke Singapura kerana tahu bahawa percintaan mereka tidak akan mendapat restu bapa Mahani. Hassan akhirnya mengahwini Mahani tanpa restu bapa Mahani. Selepas itu, Hassan meneruskan minatnya kepada muzik dan berjaya menjadi seorang ahli muzik dan penggubah lagu yang terkenal. Hassan begitu gembira apabila Mahani mengandung anak sulung mereka. Malangnya, Mahani meninggal dunia ketika melahirkan anak lelaki mereka, Sazali. Kasih sayang dan kepercayaan Hassan terhadap Sazali begitu tinggi sehingga menyebabkan Sazali membesar menjadi seorang ketua gengster yang paling dikehendaki di Singapura. Pada suatu hari, polis diberitahu tentang waktu yang Sazali dan gengnya akan melakukan rompakan. Sazali ditembak tetapi dapat melepaskan diri lalu melindungi diri di rumah bapanya (<http://ms.wikipedia.org>). Akhirnya, dengan perasaan yang sayu dan berat hati, Hassan telah menelefon polis untuk menangkap Sazali, satu-satunya anak yang dikasihinya.

### **Gaya Kepimpinan Keluarga Melayu dalam Filem “Anakku Sazali”**

Gaya kepimpinan keluarga Melayu dalam filem “Anakku Sazali” diperolehi setelah pengkaji menonton filem tersebut dan menganalisis dialog yang terdapat dalam filem itu. Seterusnya pengkaji mencatat dialog itu dalam bentuk transkripsi verbatim sebagaimana dicatat dalam perbincangan seterusnya. Gaya kepimpinan yang

dikenal pasti dalam keluarga tersebut adalah gaya *'laissez faire'* atau *'permisif'*. Hal ini dapat dilihat dalam aspek kehidupan berkeluarga antara Hassan sebagai bapa dan Sazali sebagai anak dari awal episod iaitu sebelum kelahiran Sazali sehingga akhir episod Sazali meninggalkan rumah bapanya.

Sebagai bukti, pada awal episod iaitu sebelum kelahiran Sazali. Mahani sebagai ibu Sazali dimaklumkan berita mengenai kehamilannya. Sejurus itu, Hassan sebagai bapa yang dahulunya hidup dalam kesusahan, berazam akan memberi kesenangan dan kemewahan kepada anak yang bakal dilahirkan agar anak tersebut tidak berada dalam kesusahan seperti dirinya. Hal ini dapat dilihat menerusi dialog Hassan kepada Mahani seperti berikut:

*“Aku tidak akan membiarkan dia susah sebagaimana aku derita dahulu, aku ingin melihat dia bergembira. Aku akan memberikan segala-galanya kepadanya. Segala-galanya, Ani. Dia akan menghadapi kehidupan yang cemerlang. Aku akan carikan rumah yang besar, serba cantik dan memuaskan. Di sana, dia akan dibesarkan dengan segala kemewahan”*

Selain itu, gaya kepimpinan *permisif* yang telah diamalkan oleh Hassan dapat dilihat ketika zaman kanak-kanak Sazali. Suatu hari Hassan dipanggil ke sekolah dan dimaklumkan oleh guru besar di sekolah Sazali akan kelakuannya yang tidak menghormati guru dan berkelakuan kurang sopan terhadap sesama teman sekolah. Hassan telah diberi nasihat oleh abang iparnya supaya menghukum Sazali atas perbuatannya namun nasihat itu ditolak. Hal ini disebutkan dalam dialog Hassan kepada abang iparnya seperti berikut:

*“Aku rasa, aku tidak dapat memberikannya apa-apa melainkan keteguran dan kasih sayang”*

Berdasarkan dialog tersebut, menunjukkan Hassan tidak mampu menghukum dan memberi pengajaran kepada Sazali atas tingkah lakunya yang salah. Hal ini menyebabkan Sazali mendapat kebebasan mutlak untuk melakukan apa sahaja sama ada betul atau tidak tanpa takut dimarahi oleh ayahnya. Keadaan ini berlarutan sehingga Sazali menjadi seorang dewasa.

Secara keseluruhan, filem ini jelas menunjukkan Hassan sebagai ketua keluarga mengamalkan gaya kepimpinan permisif. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, gaya kepimpinan permisif dapat melahirkan anak-anak yang mempunyai nilai diri yang negatif dan mempunyai keperibadian yang buruk. Hal ini turut digambarkan dalam watak Sazali. Akibat kasih sayang keterlaluan, kemewahan, kebebasan mutlak dan kepercayaan yang tinggi diberikan oleh Hasan, Sazali telah menipu bapanya untuk kepentingan diri dan rakan-rakannya. Hal ini disebutkan dalam dialog Sazali seperti berikut:

*“Aku borak sama bapa aku. Dia bagi aku duit. Dia sayang sama aku. Berapa banyakpun aku boleh dapat. Kita boleh tengok wayang gambar, tengok joget, boleh main judi, semua kita boleh buat”.*

Apabila Sazali sudah dewasa, semakin banyak onar dan kelakuan buruk yang dilakukan seperti Sazali telah berkelakuan buruk terhadap sepupunya. Kemudian, Hassan menyuruh Sazali bertanggungjawab, namun Sazali membantah. Hassan memarahi Sazali kerana tindakannya dan mengugut akan menghalau dari rumah. Hal ini disebutkan dalam dialog Hassan bersama Sazali.

Hassan: *“Inikah hasil yang aku dapat setelah aku memberikan kau segala kepuasan dan kebebasan hidup. Anak yang tidak tau malu. Lebih baik kau tarik kata-kata kau sebelum aku menghalau kau dari rumah ini. Kau tarik balik Sazali, aku belum puas (ambil rotan)”*

Sazali: *“Berhenti, jikalau 10 tahun dahulu bapa melakukan demikian, barangkali Sazali boleh jadi baik sekarang, tapi sekarang sudah terlambat. Bapa yang bersalah dalam soal ini. Bapa yang membesarkan Sazali dengan secara membabi buta. Segala apa kemahuan Sazali bapa tunaikan. Segala apa hajat Sazali, bapa tunaikan sehingga Sazali pandai bercakap bohong dengan bapa, sehingga Sazali menipu bapa untuk kepentingan diri. Tetapi bapa hanya berkata ‘Anakku Sazali’. Bapa yang bertanggungjawab terhadap kelakuan baik dan buruk Sazali. Tiap-tiap satu kejadian, tiap-tiap satu kelakuan Sazali, bapa yang bertanggungjawab.*

Berdasarkan dialog tersebut, Sazali mengungkit cara didikan yang diberikan kepadanya dan menuduh kelakuan buruknya adalah suatu kesalahan bapanya. Sebagai kesimpulan, penulis mendapati bahawa gaya kepimpinan secara ‘*laissez faire*’ atau ‘*permisif*’ dalam filem ini dapat membentuk sebuah keluarga yang porak peranda dan



kucar kacir, hilang fungsi ibu bapa terhadap anak-anak, anak-anak yang nakal dan sebagainya.

### **Analisis Gaya Kepimpinan Bapa dalam Filem Anakku Sazali menurut Perspektif Islam.**

Analisis terhadap gaya kepimpinan bapa dalam filem ‘Anakku Sazali’ didapati gaya kepimpinan yang dipraktikkan adalah gaya kepimpinan ‘*laissez faire*’ atau ‘*permisif*’. Gaya kepimpinan begini jelas menampakkan kelemahan kerana Hassan memberi sepenuh kebebasan kepada anak kesayangannya untuk mencorakkan masa depannya sendiri meskipun jelas diketahui oleh Hassan terdapat kesilapan dalam tingkahlaku anaknya, Sazali. Hal ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam kerana Islam menekankan ilmu agama dalam pendidikan anak-anak. Analisis terhadap filem Anakku Sazali jelas menggambarkan bahawa Hassan kurang memberikan perhatian terhadap ilmu agama kepada anaknya malah lebih menekankan aspek kemewahan. Hal ini adalah bercanggah dengan ajaran Islam kerana Islam sangat menitikberatkan pendidikan agama terhadap anak-anak supaya anak-anak dapat menjalani kehidupan yang selaras dengan ajaran Islam.

Para bapa bertanggungjawab membimbing dan mendidik anak-anak terhadap tiga aspek utama dalam Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Sebagai bukti, Luqman al-Hakim seorang ahli hikmah yang bijaksana telah menentukan asas pendidikan kepada anak-anaknya berdasarkan tiga prinsip kukuh tersebut (Rosnaaini et al. 2012). Dalam konteks pendidikan akidah kepada anak-anak, teras utama pendidikan nilai yang ditekankan ialah dengan berpegang teguh kepada kepercayaan kepada Allah SWT. serta tidak mensyirikkan-Nya. Kepercayaan yang jitu kepada kewujudan Tuhan menjadi intipati penting bagi pembentukan nilai murni, seterusnya melahirkan anak yang bermoral (Arifin & Adnan 2013). Hal ini dapat dilihat daripada kisah Luqman al-Hakim dalam Al-Qur’an ( Luqman 31: 13) ;

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:” Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain),

Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

Manakala dalam konteks ibadah pula, bapa perlu membimbing anak-anak sejak dari kecil lagi terutama ibadah solat. Menurut Ahmad Ghalib (1998), bapa bertanggungjawab mengajarkan anak-anak tentang solat sejak dari umur 7 tahun. Jikalau anak tidak mahu, maka ketika berumur 10 tahun, mereka perlu dipukul bertujuan menakutkan tanpa memudaratkan mereka sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عن عمرو بن شُعَيْبٍ عن أَبِيهِ عن جَدِّهِ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya:

Daripada ‘Amru bin Syu’aib, daripada bapanya, daripada datuknya berkata, sabda Rasulullah saw: ‘Suruhlah anak-anak kamu mengerjakan solat semasa mereka sudah berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika tidak solat) kalau sudah berumur sepuluh tahun. Kemudian pisahkan tempat tidur mereka.

(Abu Daud, Kitab Solat, Bab mata yu’mar al-ghulam bi al-solat)

Ibadah solat perlu ditekankan dalam pendidikan anak-anak kerana dalam solat seorang hamba boleh memohon keampunan, menyatakan kesetiaan, meminta diperluaskan rezeki dan sebagainya (Semait 1991). Matlamat solat ialah menghindarkan seseorang individu dari sifat yang buruk serta keji, kerana solat adalah proses penyucian diri sama ada jasmani atau rohani. Ia dapat memelihara seseorang individu supaya sentiasa berada di landasan yang benar dan lurus serta memelihara diri supaya tidak terjebak dengan perbuatan dosa. Hal ini dapat membuktikan bahawa jati diri, disiplin diri, dan komitmen tinggi yang dibina melalui solat terhadap anak-anak akan menjadi benteng yang kuat dalam berhadapan dengan cabaran dan rintangan mendatang (Arifin & Adnan 2013).

Pendidikan akhlak juga perlu ditekankan oleh bapa dalam pendidikan anak-anak. Akhlak mulia yang diajarkan dalam Islam meliputi seluruh aspek kehidupan

seperti jujur, menepati janji, berani, sopan santun, menghormati orang tua, tolong-menolong kepada orang yang memerlukan, menyayangi orang lemah dan sebagainya. Hal ini dapat menjadikan anak tersebut orang yang bertaqwa dan berakhlak mulia. Sabda Rasulullah SAW:

أَكْرَمُوا أَوْلَادَكُمْ وَأَحْسِنُوا آدَابَهُمْ

Maksudnya:

“Muliakanlah anak-anak kamu dan baguskan adab mereka”

(Ibn Majah, Kitab al-Adab, Bab birr al-walid wa al-ihsan ila al-banat)

Dalam filem ini, Hassan sebagai seorang bapa sewajarnya mendidik anaknya, Szali supaya berakhlak mulia seperti menghormati ibu bapa dan tidak berkata kasar sehingga sanggup menyalahkan bapa terhadap apa yang telah berlaku kepada dirinya yang kurang berakhlak. Dapat disimpulkan bahawa bapa memainkan peranan penting sebagai guru pertama dengan membimbing dan mendidik anak-anak kepada akidah, ibadah dan akhlak dalam Islam.

Selain itu, dalam filem ini didapati Hassan sebagai bapa tidak berjaya menegur anaknya yang melakukan pelbagai kejahatan yang menyalahi ajaran Islam. Sebagai bapa dan pemimpin keluarga, sewajarnya mereka melaksanakan tugas dakwah khususnya mencegah kemungkaran dan mengajak melakukan kebaikan (Mahfuz 1975; Nawfal 1977; al-Qaradawi 1978). Jika jelas terdapat kemungkaran maka wajib kemungkaran tersebut dihapuskan. Hal ini ada dinyatakan dalam al-Quran (Ali-Imran 3:110) :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ.

*Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)*

Dalam sebuah hadith juga menjelaskan mengenai tanggungjawab berdakwah yang menyuruh umatnya menghapuskan kemungkaran mengikut kadar kemampuan masing-masing ;

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ  
فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya :

*Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lidahnya dan jika tidak mampu juga, maka ubahlah dengan hatinya, dan itu adalah selemah-lemah iman.*

(al-Muslim, Kitab al-Iman, Bab (22) Bayan kawmi al-nahyi ‘an al-mungkar)

Dalam konteks ini, bapa merupakan individu yang memegang amanah (al-Ghazali 2000 J.2:624) untuk membimbing keluarga dan menjauhkan keluarga dari api neraka (al-Tahrim (66:6));

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا  
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Maksudnya ;

*Wahai orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya : manusia dan batu (berhala), neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala hal yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*

Beratnya tanggungjawab seorang peneraju keluarga juga dapat dilihat dalam hadith Rasulullah SAW ;

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Maksudnya:

*“Setiap bayi dilahirkan dalam fitrah yang suci, maka kedua ibu bapanyalah yang berperanan menjadikan bayi tersebut membesar sama ada menjadi seorang ‘Yahudi’, ‘Nasrani’ atau ‘Majusi’”*

(al-Bukhari, Kitab al-Janaiz’, Bab ma ‘qila fi ‘aulad al-musyrikin)

Menerusi filem ini juga didapati Hassan sebagai bapa tidak dapat bersikap tegas dalam mendidik anaknya Sazali sedangkan ketegasan itu penting dalam mendidik anak-anak lebih-lebih lagi apabila melibatkan soal kepatuhan terhadap ajaran Islam. Menurut Islam, gaya kepimpinan keluarga yang baik adalah tegas tetapi

penyayang dan konsisten. Ibu bapa dalam kategori ini sewajarnya menerangkan sebab-sebab setiap peraturan diadakan. Ketegasan tidaklah keterlaluan sehingga menghalang anak-anak untuk meluahkan perasaan mereka kepada ibu bapa (Amina 1996). Kaedah dakwah secara hikmah juga boleh diimplementasikan dalam pendidikan anak-anak dengan menjadikan firman Allah sebagai panduan (Ali Imran 3: 159);

فَمَا رَحْمَةً مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ  
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ

*Maksudnya;*

*Dengan rahmat daripada Tuhan engkau (Muhammad) telah bersikap lemah lembut kepada mereka..dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras, tentulah mereka lari daripada kamu. Oleh itu maafkanlah mereka dan pohonkanlah ampun bagi mereka.*

Pendekatan dakwah secara hikmah dalam konteks ini iaitu menggunakan ketegasan dalam satu keadaan dan menggunakan kelembutan dalam satu keadaan yang lain adalah bertepatan dengan pandangan Sayyid Qutb (1971) yang mengatakan hikmah dalam dakwah dilakukan dengan meneliti metodologi yang digunakan sewaktu berbicara dengan sasaran dakwah (anak-anak) serta mengamalkan metodologi yang pelbagai mengikut keperluan. Metodologi yang sesuai itu pula bergantung kepada keadaan. Justeru itu, bagi menentukan kesesuaian, bapa harus bijaksana kerana boleh jadi sesuatu itu pada satu-satu masa tetapi tidak sesuai pula pada masa yang lain (Ab. Aziz Mohd. Zin 2003).

Justeru itu, gaya kepimpinan *authoritatif* adalah gaya kepimpinan yang lebih dekat dengan ajaran Islam. Ada ketikanya ketegasan diperlukan untuk mendidik anak-anak tetapi ada kalanya berlembut dengan memujuk dan kasih sayang diperlukan untuk mengajak anak-anak ke arah kebaikan. Hal ini dapat dilihat dalam hal pendidikan suami terhadap isteri (al-Nisa'4 : 34) ;

وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ  
أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا

Maksudnya :

*Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha besar.*

Ayat di atas jelas menggambarkan kaedah pendidikan dalam Islam yang tidak terus melakukan ketegasan dengan memukul tetapi dimulai dengan memberikan nasihat (al-Zuhaily 2010). Seandainya kaedah itu tidak berkesan, maka ketegasan diperlukan itupun untuk tujuan mendidik bukannya mendera.

Apa yang berlaku kepada Hassan boleh dianggap sebagaimana yang diperingatkan Allah SWT. dalam al-Quran bahawa anak-anak ini kadang-kadang menjadi ujian kepada ibu dan bapa. Akibat terlalu ingin mencurahkan kasih sayang kepada anak, sehinggakan Hassan terabai aspek pendidikan menurut ajaran Islam. Hal ini dicatat dalam al-Quran (al-Anfal 8 : 28) ;

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Maksudnya :

*Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.*

Apapun kesilapan dan kekurangan dalam mendidik anak, sebagai ibu dan bapa haruslah sentiasa mensyukuri nikmat Allah kerana dikurniakan anak-anak yang boleh menjadi penyeri dalam rumahtangga. Anak-anak adalah aset berharga bagi ibu bapa. Didikan agama yang mencukupi kepada anak-anak boleh memberikan kebaikan kepada ibu bapa bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat sebagaimana hadith Rasulullah SAW;

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Maksudnya:

*Jika meninggal seorang anak Adam, terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara : sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak saleh yang mendoakannya.*

(al-Muslim, Kitab al-Wasiat, Bab ma yalhak al-insan min al-thawab ba'da wafatih)

Justeru itu, sebagai ibu dan bapa seharusnya sentiasa berdoa agar dikurniakan anak yang saleh dan salehah yang sentiasa taat kepada perintah Allah dan Rasul (al-Mar'asyliy 2000) sebagaimana diajarkan dalam al-Quran ( al-Furqan 25: 74) ;

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Maksudnya :

*Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami; perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang mahu bertaqwa.*

Pendekatan syukur dan doa dalam pendidikan anak-anak adalah antara kaedah yang sepatutnya dilaksanakan oleh ibu dan bapa dalam mendidik anak-anak agar berjaya membimbing sebuah keluarga ke jalan yang diredhai Allah SWT.

### **Kesimpulan**

Artikel ini membincangkan mengenai gaya kepimpinan ibu bapa dalam keluarga. Artikel ini juga menganalisis gaya kepimpinan bapa dalam filem Anakku Sazali yang jelas menunjukkan bahawa gaya kepimpinan yang dipraktikkan adalah gaya kepimpinan '*laissez faire*' atau '*permisif*'. Gaya kepimpinan jenis ini mempunyai kelemahan kerana memberikan kebebasan sepenuhnya kepada anak memilih jalan hidupnya sehingga tidak dapat membezakan antara jalan kebenaran dan kejahatan. Justeru itu beberapa pendekatan mendidik anak dari perspektif Islam dicadangkan bagi memperbaiki gaya kepimpinan bapa dalam keluarga Melayu antaranya menekankan ilmu pengetahuan agama kepada anak-anak, menggunakan pendekatan dakwah iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Mana-mana kemungkaran yang jelas dilakukan oleh anak-anak hendaklah dicegah. Selain itu, pendekatan dakwah secara hikmah juga boleh dilakukan dalam mendidik anak-anak iaitu tidak melakukan ketegasan sehingga anak-anak menjadi benci dan memusuhi bapa tetapi diselangselikan dengan kelembutan. Dalam masa yang sama para ibu bapa sewajarnya menyedari bahawa anak-anak boleh menjadi ujian kepada ibu bapa. Sungguhpun begitu anak-anak adalah aset yang sangat berharga dalam sesebuah rumahtangga. Justeru itu, bersyukur dan berdoa adalah langkah yang sepatutnya dilakukan oleh para ibu dan bapa supaya anak-anak dapat terus menjadi permata hati

yang boleh membahagiakan ibu bapa bukan sahaja di dunia yang sementara ini tetapi juga di akhirat kelak, sebuah kehidupan yang kekal abadi.

## Rujukan

- Ab. Aziz Mohd. Zin. 2003. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Cet. Ketiga. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Daud, (202-275H) Sulaiman Ibn al-Asy'ath bin Ishaq al-Azdiyy al-Sijistani. 2000. *Kitab al-Sunan. Sunan Abi Daud*. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ahmad Ghalib. 1998. *Membina Generasi Berakhlak*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.
- Amina Hj Noor. 1996. *Mendidik Anak Pintar Cerdas Bermula dari Alam Rahim*. Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- Arifin & Adnan. 2013. Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Qur'an sebagai Asas Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan* 6 (2): 135-139.
- Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari. 2010. *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia
- Balan Rathakrishnan & Rohimah Abd Rahim. 2008. Etnik Dan Gaya Keibubapaan Ke Atas Penglibatan Pelajar Dalam Penagihan Dadah: Satu Kajian Awal Di Sabah. *Jurnal Anti Dadah Malaysia* 3:123-141.
- Baumrind D. 1966. Effects of Authoritative Parental Control On Child Behavior. *Journal of Child Development* 37(4): 887-907.
- Bronte-Tinkew, J., Moore, K. A., & Carrano, J. 2006. The Fatherchild Relationship, Parenting Styles, And Adolescent Risk Behaviors In Intact Families. *Journal of Family Issues* 27: 850-881.
- Eggen P. & Kauchak D. 1994. *Educational Psychology- Classroom Connections. 2nd Edition*. USA: Macmillan College Publishing Company.
- Fuziah Kartini Hassan Basri. 2007. Filem sebagai wahana komunikasi pembangunan: Konstruksi gender dalam filem melayu kontemporari. Dlm. Samsudin A. Rahim & Mohd Safar Hasim (Ed.), *Industri komunikasi di Malaysia* (hlm. 253-277). Bangi: Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ganesen & Noraini. 2014. Pengaruh Struktur Keluarga Dan Stail Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik Murid India Di Sekolah Menengah Rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 2(1):49.



- Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah : Dar al-Taqwa li al-Turath.
- [http://ms.wikipedia.org/wiki/Anak-ku\\_Sazali](http://ms.wikipedia.org/wiki/Anak-ku_Sazali)
- [http://ms.wikipedia.org/wiki/Gaya\\_hidup#cite\\_note-2](http://ms.wikipedia.org/wiki/Gaya_hidup#cite_note-2)
- Ibn Majah (207-275H) Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. 1998. *Sunan Ibn Majah*. Kaherah : Dar al-Hadith.
- Ishak Mad Shah. 2004. Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik Golongan Remaja: Melihat Sejauhmana Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Sebagai Moderator. *Jurnal Teknologi* 40(E): 33–44.
- Mahfuz, Syaikh 'Ali. 1975. *Hidayah al-Mursyidin Ila Turuq al-Wa'z wa al-Khitabah*. Mesir : Dar Misr li al-Tiba'ah.
- al-Mar'asyliy, Muhammad Abd al-Rahman. 2000. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. J.2. Beirut : Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- McQuail, Denis. 1994. *Mass communication theory: an introduction*. University of Michigan: Sage Publications.
- Mohd Azrul. 2013. Rasulullah s.a.w Bapa Mithali. *Majalah Solusi*. Isu 8: 85-86.
- Nawfal, Sayyid. 1977. *al-Da'wah Ila Allah Ta'ala Khasaisuha Muqawwimatuha Manahijuha*. Mesir : Jami'ah al-Azhar.
- Nor Mazana Binti Ismail. 2001. *Hubungan Di Antara Gaya Kepimlpanibu Bapa Dengan Pelanggaran Disiplin Pelajar-Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Teknik Slim River, Perak*. Kajian Kes. Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1978. *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Qutb, Sayyid. 1971. *Fi Zilal al-Qur'an*. J.13. Beirut : Dar al-Syuruq.
- Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain. 2007. Peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan* 9:74-82.
- Rosmawati Mohamad Rasit, Md.Salleh Hassan, Mohd Nizam Osman, Muhamad Sham Shahkat Ali. 2011. Film as a Medium Communication for Da'wah: Analysis of Religious Element in Selected Malay Films. *Jurnal Islamiyyat* 33: hlmn 67-76.
- Rosnaaini, Suhanim & Syahrul Faizaz. 2012. *Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Lukman*. Sintok: Penerbit UUM
- Rosnaini Hj. Mahmud. 2003. The value of Bukit Kepong as an educational film: a research. *The Turkish Online Journal of Educational Technology – TOJET – 2 (2)*, 46-50. Diakses daripada <http://www.tojet.net/articles/v2i2/227.pdf>
- Semait, Syed Ahmad. 1991. *Wasiat Luqman al-Hakim kepada Puteranya*. Singapura: Pustaka Nasional.

- Slaby, R.G. & Guerra, N.G. 1988. *Cognitive Mediators of Aggression in Adolescent Offenders*. *Developmental Psychology* 24: 580-588.
- Zaheril Zainuddin. 2006. Pengaruh dan kesan filem ke atas remaja. Dlm. Naim Hj. Ahmad, Siti Suriani Hj. Othman & Noor Adzrah Ramle (pnyt.), *Bicara Media 1* (hlm. 33-39). Nilai: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zakiah Jamaluddin & Ismail Kiprawi. 2010. *Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens*. Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia. Universiti Utara Malaysia.
- Al-Zuhaily, Muhammad. 2010. *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'e*. Damsyiq : Dar al-Qalam
- Zulkiple Abd. Ghani. 2003. *Islam, komunikasi dan teknologi maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.